

23/08/2001

Dr Mahathir terkejut kejadian murid tahun dua buat seks oral

SUBANG, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terkejut apabila diberitahu bahawa empat murid Tahun Dua sebuah sekolah rendah di Taiping melakukan seks oral di bawah meja dalam bilik darjah mereka baru-baru ini.

Lebih memeranjatkan Perdana Menteri ialah apabila diberitahu hasil siasatan mendapati, seorang daripada murid itu berbuat demikian kerana mengulangi apa yang dilihatnya dalam sebuah filem lucah bersama ibu bapanya pada malam sebelumnya.

"..dengan ibu bapa?," katanya sambil menyifatkan kejadian itu jelas menunjukkan betapa merosotnya nilai moral.

Dr Mahathir berkata demikian sekembalinya dari Uganda di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia, di sini hari ini.

Kejadian itu didedahkan Ahad lalu oleh Presiden Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), Tengku Habsah Tengku Petera selepas menghadiri forum 'Masalah sosial di kalangan pelajar India' di Ipoh.

Perdana Menteri berkata, apa berlaku itu menggambarkan ajaran agama dan kelas moral di sekolah bagaikan tidak lagi berkesan di kalangan murid.

"Saya tak tahu apa yang diajar ketika pelajaran agama sehingga pelajar tidak ada moral sama sekali. Kalau pelajar, terutama Melayu, yang semuanya beragama Islam, jika dengar dan diberi penerangan cukup mengenai Islam, tidak akan melakukan perkara biadap seperti ini.

"Sekarang ini kita dapati keruntuhan moral kerana alat yang kita guna untuk menjaga moral anak-anak kita tidak berfungsi. Kita tahu di sekolah, kadang-kadang guru agama lebih utamakan politik daripada mengajar agama, lebih mengutamakan kebencian kepada kerajaan.

"Jadi dia (pelajar) tak tahu apa dia agama Islam. Sebab itu dia sanggup sembah syaitan dan sebagainya," katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau tidak tahu sama ada perlu untuk mewujudkan undang-undang tertentu bagi menghukum ibu bapa yang membenarkan anaknya menonton video atau filem lucah.

Mengenai sekumpulan pelajar Universiti Malaya (UM) dan penyokong sebuah parti politik melakukan sembahyang dua imam di Masjid Ar-Rahman sejak dua bulan lalu kerana enggan mengikuti imam dilantik kerajaan, Dr Mahathir secara menyindir berkata:

"Itu baguslah...itu perkembangan yang amat menarik kerana dulu kita satu bangsa, satu agama, tak ada perpecahan. Datang parti Pas ini, inilah kerja mereka, memecah belah hingga melemahkan akidah orang Islam sendiri."

Mengenai cadangan Prof Diraja Ungku Aziz supaya ditubuhkan audit bebas untuk menilai serta mengkaji masalah dihadapi Lembaga Tabung Haji, beliau berkata perkara itu akan diberi perhatian.

(END)